

Campur tangan politik jejas projek tebatan banjir RM34j

KUALA LUMPUR: Sikap kakitangan kerajaan yang tidak bertanggungjawab serta campur tangan politik pembangkang menyebabkan sebuah syarikat kontraktor Bumiputera kelas A disenaraihitamkan dan dibatalkan kontrak bernilai RM34 juta.

Kontrak Waja Destinasi (M) Sdn Bhd (Waja Destinasi) yang ditandatangani syarikat berpengalaman 15 tahun dalam bidang kejuruteraan sivil itu pada 2003 dibatalkan bulan lalu kerana gagal memenuhi syarat kontrak pembangunan sebuah kawasan setinggan.

Mengikut kontrak itu, kerja pemindahan penduduk, kuil dan pencawang di Kampung Tepi Sungai dan Kampung Halimatun, Jalan Klang Lama perlu selesai dalam masa 90 hari selepas tempoh serah tapak kepada kontraktor pada 2003.

Namun, apabila pemeriksaan dilakukan, hanya lima daripada 90 rumah setinggan berpindah walaupun rekod Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan semua rumah, dua kuil dan pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah dirobhkan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi

Khalid ketika mendedahkan perkara yang disifatkan sebagai kritikal itu berkata kontraktor terbabit menjadi mangsa pegawai kerajaan yang tidak turun padang menyebabkan keputusan yang dibuat tidak tepat.

"Ini membuktikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai sistem penyampaian pentadbiran kerajaan perlu ditingkatkan ada kebenarannya dan perlu diberi perhatian untuk mengelak pihak yang menjadi mangsa," katanya ketika ditemui ketika meninjau kawasan setinggan itu semalam.

Projek tebatan banjir sepanjang empat kilometer di Sungai Klang itu sepatutnya siap pada 2005 tetapi keengganan penduduk berpindah, ditambah campur tangan wakil rakyat menyebabkan projek itu gagal disiapkan mengikut jadual.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Waja Destinasi, Sulaiman Kamarudin, berkata pihaknya sudah menyiapkan kerja sepanjang dua kilometer sungai berkenaan dengan membelanjakan kira-kira RM13 juta, tetapi baki projek terpaksa ditangguhkan kerana pelbagai masalah dalam proses pemindahan penduduk.